

# Terumbu

Jabatan Taman Laut Malaysia

[www.dmpm.nre.gov.my](http://www.dmpm.nre.gov.my)

ISSN NO.2180-4435  
Jilid 2 Jul-Dis 2011



*Taman Laut*  
**Pengurusan Bersama Komuniti**

# Kandungan

<b>KATA ALUAN KETUA PENGARAH</b>	<b>3</b>	
<b>BERITA UTAMA</b>	<b>4</b>	
• Program Taman Laut Bersama Komuniti Pulau Tinggi		
<b>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)</b>	<b>6</b>	
• Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) JTLM		
• Program Pemantapan Modal Insan		
• JTLM Juarai Kontinjen Terbaik Perbarisan Sukan NRE 2011		
• Sambutan Ulang Tahun Kelahiran JTLM		
<b>BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN TAMAN LAUT (BPPTL)</b>	<b>8</b>	
• Alternative Livelihood untuk Penduduk Tempatan		
• Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat Tahap 2		
• Kit Panduan Snorkeling Mesra Alam		
<b>BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN (BPP)</b>	<b>10</b>	
• 25 Bubu Dirampas di Kawasan Taman Laut		
• Kes Tangkapan dan Kompaun 2011		
<b>BAHAGIAN KEJURUTERAAN</b>	<b>11</b>	
• Pembinaan <i>Rigid Inflatable Boat</i> JTLM		
<b>LENSA TERUMBU</b>	<b>12</b>	
<b>BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN INTERPRETASI MAKLUMAT(BPIM)</b>	<b>14</b>	
• Program <i>International Merdeka Conservation Dive 2011</i>		
• Kursus Pemantapan Interpretasi dan Komunikasi JTLM		
• Majlis Ramah Mesra JTLM Bersama Agensi Kerajaan Wilayah Persekutuan Labuan		
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INVENTORI SUMBER (BPIS)</b>	<b>16</b>	
• Restorasi Karang Pulau Tioman		
• Kursus SOP Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu		
<b>JABATAN TAMAN LAUT NEGERI JOHOR</b>	<b>17</b>	
• Program Interaksi Nelayan Tanjung Leman		
• Program Pameran Kesedaran dan Pendidikan Marin Bersama Pelajar 3-G		
<b>JABATAN TAMAN LAUT NEGERI TERENGGANU</b>	<b>18</b>	
• Program <i>Reef Clean Up Kapas 2011</i>		
• Program Sultan Mizan Cup 2011		
<b>JABATAN TAMAN LAUT NEGERI KEDAH</b>	<b>19</b>	
• Program Interaksi Bersama Komuniti		
• Kem Pendidikan Marin Pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Putrajaya		
<b>JABATAN TAMAN LAUT NEGERI PAHANG</b>	<b>20</b>	
• <i>Tioman COT's Expedition &amp; Reef Clean Up 2011</i>		
• Tukun Tiruan <i>U-Shape</i>		
<b>JABATAN TAMAN LAUT LABUAN</b>	<b>21</b>	
• Program Konservasi Penyu Wilayah Persekutuan Labuan		
• Kem Pendidikan Marin Wilayah Persekutuan Labuan		
<b>UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME(UNDP)</b>	<b>22</b>	
• United Nations Under Secretary General Site Visit		
• Basic Co-Operative Trainings for local Communities		
• Meeting with Sarawak Planning Unit (SPU)		
• English Course for Hotel and Hospitality Staff		
• Seminar on Introduction to Marine Park Management Plan: The Great Barrier Reef		
<b>SPESIS@DUGONG</b>	<b>24</b>	

# Kata Aluan Ketua Pengarah

Bismillahirahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

**A**lhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin Nya, Majalah TERUMBU kali ini dapat bertemu para pembaca sebagai penutup tirai 2011.

Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) ditubuhkan pada tahun 2007 di bawah naungan Kementerian


Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menguruskan kawasan Taman Laut negara yang kaya dengan kepelbagaian biodiversiti. Khazanah marin ini merupakan aset negara yang bernilai tinggi. Dalam menjalankan fungsi tersebut, JTLM harus memastikan fungsi utama dalam mengurus dan memulihara biodiversiti ini tidak menjelaskan komuniti setempat. Dengan perwartaan Taman Laut sebagai kawasan perlindungan marin, aktiviti memancing dan perikanan adalah tidak dibenarkan di kawasan Taman Laut.

Justeru, JTLM mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan penduduk setempat melalui program-program alternatif sara hidup bagi menjamin pendapatan dan taraf hidup setempat. Program ini secara tidak langsung mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat selaras dengan slogan 1 Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

JTLM menyedari pentingnya mewujudkan kerjasama dengan komuniti setempat dalam membantu menjalankan tugas mengurus kawasan Taman Laut. Melalui program-program seperti *Reef Watcher* di Tioman dan Sibu Tinggi, *Reef Ranger* di Pulau Redang dan Kursus Peningkatan Taraf Hidup Komuniti di semua Pusat Taman Laut, JTLM berharap kerjasama dengan komuniti akan semakin erat.

Semoga dengan keluaran TERUMBU kali ini dapat memberi pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin sekali gus lebih menghargai Taman Laut sebagai Khazanah Negara.

Dr. Sukarno bin Wagiman



## Sidang Pengarang

### PENAUNG

**Dr. Sukarno bin Wagiman**  
*Ketua Pengarah*

### PENASIHAT

**Kamarruddin Ibrahim**  
*Timbalan Ketua Pengarah*

### KETUA EDITOR

**Halijah Mat Sin**  
*Pengarah Bahagian Pendidikan dan Interpretasi Maklumat*

### SIDANG PENGARANG

**Noor Ikhwanie Zainal**  
**Muhammad Firdaus Abdul Aziz**  
**Noor Aznimm Zahriman**  
**Anuar Deraman**  
**Izarenah Mat Repin**  
**Fitra Aizura Zulkifli**  
**Syed Shahmil Syed Hussin**  
**Zakaria Tayib**  
**Zolkapeli Zainal**  
**Ahmad Faizal Abdullah**

# Program Taman Laut Bersama Komuniti Pulau Tinggi

**S**emenjak pewartaan Taman Laut pada tahun 1994, JTLM terus melangkah sebagai peneraju utama dalam pengurusan sumber biodiversiti marin. Pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan sumber biodiversiti marin terutamanya di kawasan perairan Taman Laut terpelihara. JTLM sedar kejayaan pengurusan Taman Laut bergantung kepada bantuan dan komitmen daripada pengguna-pengguna Taman Laut itu sendiri seperti penduduk pulau, pelancong, pengusaha pelancongan, nelayan dan pihak berkepentingan. Menyedari betapa pentingnya hubungan ini diwujudkan, maka JTLM telah melaksanakan Program Taman Laut Bersama Komuniti Taman Laut Pulau Tinggi, di Mersing, Johor pada 28 Julai 2011.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Di majlis tersebut penduduk kampung telah menyuarakan hasrat kepada Y.B. Timbalan Menteri untuk mendapatkan Tukun Rekreasi. Tukun ini akan berfungsi sebagai tempat menjalankan aktiviti memancing (perikanan rekreasi) bagi menambah pendapatan penduduk kampung kerana Taman Laut adalah kawasan larangan memancing.





Bagi merealisasikan hasrat Ketua Kampung untuk menjadikan Pulau Tinggi sebagai Pulau Pertanian dan menyokong Kempen Menanam 26 Juta Pokok oleh NRE, JTLM dengan kerjasama Jabatan Pertanian telah menyumbangkan sebanyak 500 benih kelapa pandan bagi tujuan tersebut.



## 400 Tukun Konkrit Tingkat Ekonomi Penduduk



lanjutan daripada Program JTLM Bersama Komuniti Pulau Tinggi, sebanyak 400 tukun konkrit telah dibina untuk dijadikan Tukun Rekreasi bagi meningkatkan ekonomi penduduk. Pada 2 November 2011 telah diadakan Majlis Penyerahan Tukun Rekreasi kepada komuniti Taman Laut Pulau Tinggi yang dirasmikan oleh YB Murukasvary, ADUN Tenggaroh dan JTLM diwakili oleh YBrs. Encik Kamarruddin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah. Tukun ini akan menjadi habitat kepada ikan komersial dan spesis marin yang menjanjikan pendapatan lebih baik kepada penduduk Pulau Tinggi. Tukun ini telah diletakkan di luar kawasan Taman Laut iaitu di perairan 2.1 batu nautika yang dibenarkan untuk aktiviti memancing.

# Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) JTLM

**P**elan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) merupakan *blueprint* yang menjelaskan visi, misi dan hala tuju strategik bagi penggunaan ICT di sektor awam. Inisiatif-inisiatif ICT Jabatan yang dirancang perlulah sejajar dengan visi ICT sektor awam iaitu untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap.

Bermula 9 Mac 2011, JTLM telah memulakan langkah dengan mengadakan taklimat pendedahan dan kesedaran mengenai ISP dengan kerjasama daripada Pasukan Perunding ISP Sektor Awam iaitu MAMPU. Taklimat tersebut telah disertai oleh pengurusan atasan dan pegawai-pegawai JTLM. Susulan daripada itu, satu Jawatankuasa Pembangunan ISP telah ditubuhkan dengan keahlian seramai lebih kurang 30 orang. Hasil kerjasama dan komitmen pasukan ini, Jabatan telah berjaya merangka hala tuju, pelan tindakan serta keutamaan projek untuk tempoh 5 tahun bermula 2011 hingga 2015.



Sehingga November 2011, beberapa sesi bengkel dan mesyuarat telah diadakan bagi memastikan semua input dan output diperolehi dan diformulasikan mengikut metodologi Analisis, Strategi dan Formulasi (ASF) yang akhirnya berjaya menyiapkan ISP JTLM Tahun 2011–2015.

## Program Pemantapan Modal Insan

### Tingkatkan Kualiti Dan Produktiviti Warga Kerja JTLM



**P**rogram Pemantapan Modal Insan merupakan program tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi kerja dan memperkuatkukan nilai-nilai jati diri di kalangan kakitangan JTLM. Pengurusan Jabatan berharap dengan pendedahan program sedemikian, kakitangan akan lebih bersemangat untuk terus berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Program yang berlangsung di Teluk Batik, Lumut pada 14 hingga 16 Oktober 2011 ini melibatkan seramai 35 kakitangan. Ia dikendalikan oleh pakar motivasi En. Samsudin bin Mohamed (Pak Din) daripada Pak Din SAYANG SOLUTIONS. Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JTLM turut sama mengikuti program ini.

## JTLM Juarai Kontinjen Terbaik Perbarisan SUKAN NRE 2011



JTLM telah menyertai Kejohanan Sukan NRE yang berlangsung pada 15-17 Julai 2011 di Universiti Putra Malaysia. Antara sukan yang disertai adalah Bola Sepak, Bola Jaring, Badminton, Bola Tampar, Pingpong, Boling dan juga *Indoor Games*. JTLM sekali lagi telah mengulangi kejayaan 2009 dengan menjuarai Kontinjen Terbaik Perbarisan di Kejohanan Sukan NRE pada kali ini.

Dua minggu sebelum Kejohanan Sukan NRE berlangsung, JTLM telah mengatur sesi latihan di Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada 24 - 26 Jun 2011. Perkampungan Sukan JTLM ini bertujuan untuk melengkapkan diri dan meningkatkan stamina atlet JTLM bagi menghadapi Kejohanan Sukan NRE. Perkampungan sukan ini telah dirasmikan oleh Y.Brs. Encik Kamarruddin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah JTLM.

## Sambutan Ulang Tahun Kelahiran JTLM

Pada 16 Julai 2011 telah diadakan Sambutan Ulang Tahun JTLM ke-4 di Universiti Putra Malaysia. Sambutan ini diraikan oleh kakitangan JTLM yang berhimpun sempena Kejohanan Sukan NRE 2011. Y.Bhg Ketua Pengarah dan Y.Brs Timbalan Ketua Pengarah JTLM hadir sama dalam majlis ini. Kakitangan JTLM yang akan bersara telah diberi penghormatan untuk acara memotong kek.

Jabatan Taman Laut Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya pada 16 Julai 2007 di bawah naungan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jabatan ini bertanggungjawab dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber biodiversiti marin Negara di kawasan Taman Laut.



# Alternative Livelihood

## Untuk Penduduk Tempatan

Kursus yang dianjurkan merupakan salah satu inisiatif JTLM dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk di sekitar Pulau Taman Laut melalui peningkatan kemahiran dalam bidang yang berkaitan dengan eko-pelancongan. Antaranya :



### Basic Safety Training (BST)

- ❖ Di adakan pada 3 hingga 7 Julai 2011 di Pusat Latihan, Ranaco Marine, Kemaman Terengganu dan disertai penduduk Pulau Redang dan Pulau Tinggi.
- ❖ Tujuan kursus ini untuk memantapkan kemahiran pengendalian bot dan latihan dalam menghadapi situasi kecemasan.

### Bantuan Kecemasan dan Menyelamat

- ❖ Kursus ini telah dijalankan dengan kerjasama 4 orang tenaga pengajar dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) pada 27 dan 28 Julai di Pusat Taman Laut Pulau Redang.
- ❖ Para peserta didedahkan dengan pengetahuan tentang tatacara menghadapi situasi kecemasan dan menyelamat di air.

### Selam SKUBA Open Water

- ❖ Kursus Selam SKUBA diadakan pada 11 hingga 15 September 2011 melibatkan 10 penduduk Pulau Tioman.
- ❖ Para peserta telah dilatih menggunakan peralatan selam SKUBA dan latihan menyelam.

## Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat Tahap 2

- ⌘ Kursus dijalankan pada 17 hingga 28 Oktober 2011 di Pulau Tioman dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Kementerian Pelancongan Malaysia.
- ⌘ Pengendalian kursus adalah berpandukan kepada *National Occupational Skills Standards (NOSS)* Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Tahap 2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- ⌘ Kursus bertujuan untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada peserta yang terlibat dalam mengendalikan pelancong terutamanya yang datang ke Taman Laut.



# Kit Panduan Snorkeling Mesra Alam

Kit Panduan Snorkeling Mesra Alam ini dibangunkan oleh JTLM dengan kerjasama pihak United Nations Development Programme (UNDP) dan Reef Check Malaysia.

Kit ini dibentuk sebagai panduan kepada pemandu snorkeling yang kebanyakannya adalah penduduk tempatan di pulau-pulau Taman Laut. Panduan ini akan menyediakan maklumat yang lebih baik dalam menjalankan aktiviti snorkeling yang mesra alam. Lazimnya, aktiviti rekreasi air seperti snorkeling ini di



anggap antara penyumbang kepada kemerosotan kesihatan ekosistem terumbu karang. Menyedari hakikat itu, JTLM mengambil inisiatif untuk menyediakan kit ini sebagai panduan dan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap hidupan marin. Dengan itu kemerosotan kesihatan terumbu karang dapat dikurangkan.

## Ciri-Ciri Kit Panduan Snorkeling



- ❑ Interaktif - Mudah diguna dan diaplikasikan oleh semua golongan khususnya pemandu snorkeling.
- ❑ Bergambar - Kit ini disertakan dengan gambar foto sebenar hidupan marin yang terdapat di perairan pulau-pulau Taman Laut agar mudah dirujuk oleh pengguna semasa pengemaman hidupan marin.
- ❑ Berinformatif - Mengandungi maklumat berkenaan pulau-pulau Taman Laut yang menjadi tumpuan para snorkeler dan penyelam serta nama-nama hidupan marin dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- ❑ Kalis Air - Boleh digunakan semasa menjalankan aktiviti snorkeling.

# 25 Bubu Dirampas Di Kawasan Taman Laut

**A**ktiviti penangkapan ikan menggunakan bubu amat popular di kalangan para nelayan. Walau bagaimanapun, sebarang aktiviti menangkap ikan di kawasan perairan Taman Laut pada jarak 2 batu nautika (b.n.) dari tikas air surut terendah adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Sumber perikanan di kawasan Taman Laut yang merupakan santuari bagi tempat pembiakan ikan akan terjejas sekiranya aktiviti menangkap ikan menggunakan bubu tidak dibendung. Kebiasaannya penceroboh ini memasang bubu di kedalaman antara 50 hingga 80 kaki di perairan Taman Laut.

Bagi mencegah aktiviti ini, JTLM telah menjalankan Operasi Bubu pada 23-25 September 2011 di perairan Pulau Tioman. Operasi

bubu ini telah diketuai oleh En.

Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias,

Pengarah JTLM Pahang bersama anggota Kapal Taman Laut 1 PERMATA dan Bot Peronda Taman Laut (PTL 4).

Pada hari pertama Operasi Bubu dijalankan sebanyak 17 bubu telah dirampas yang mana 3 bubu ditemui pada jarak 0.30 b.n. dari Pantai Pasir Burung dan 14 buah bubu lagi pada jarak antara 0.63 hingga 0.69 b.n. dari Tanjung Gua Layang. Sebanyak 8 buah bubu lagi telah dirampas di kawasan Teluk Bayat pada jarak 0.53 b.n. dari Pulau Tioman. Kesalahan yang dilakukan amat serius kerana kesemua 25 Bubu yang dirampas terletak begitu hampir dengan pulau Taman Laut.

Bubu yang berjaya dirampas telah dibawa balik ke Pusat Taman Laut Pulau Tioman dan laporan telah dibuat kepada pihak Polis. JTLM akan meneruskan operasi bubu ini dari masa ke semasa bagi mengawal aktiviti penangkapan ikan menggunakan bubu di kawasan Taman Laut.



# Kes Tangkapan dan Kompaun 2011

Pada tahun 2011, Bahagian Penguatkuasaan dan Pelesenan telah mencatatkan kes tangkapan sebanyak 31 kes secara keseluruhan.

Data kes tangkapan bagi tiga tahun kebelakangan bermula 2009 hingga 2011 menunjukkan penurunan yang begitu ketara. Pada tahun 2009 sebanyak 72 kes telah dicatatkan, tahun 2010 telah menurun kepada 47 kes dan tahun 2011 menurun lagi kepada 31 kes.

Pada tahun 2010, tindakan tegas yang diambil ke atas kesalahan yang dilakukan dengan menggantung lesen selama 6 bulan dan kadar denda yang tinggi telah berjaya mengurangkan kes pencerobohan.

Penggunaan pukat tunda adalah peralatan yang mencatatkan kes tertinggi iaitu 14 kes (43.75%), diikuti lain-lain perkakas seperti pancing, rawai dan bubi mencatatkan 8 kes (25%), pukat hanyut 7 kes (21.9 %), pukat jerut 2 kes (6.25%) dan spear gun 1 kes (3.1 %). Jumlah kompaun yang telah dikenakan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM 71,250.00.



Bilangan kes tangkapan mengikut negeri tahun 2011



Jumlah kompaun tahun 2003-2011

## Pembinaan Rigid Inflatable Boat JTLM

Jabatan Taman Laut Malaysia telah membina 5 buah *Rigid Inflatable Boat (RIB)* yang akan diagihkan kepada negeri Terengganu, Pahang, Kedah dan Johor. Kegunaan utama bot ini adalah untuk melaksanakan aktiviti penguatan kuasaan, kemudahan pengangkutan bagi pelbagai aktiviti seperti menyelam, membawa peralatan, membawa tahanan dan membantu dalam melaksanakan aktiviti mencari dan menyelamat. Bot ini dibina oleh Syarikat Kay Marine Sdn. Bhd. bertempat di Kuala Terengganu dengan kos berjumlah RM 1.6 Juta.

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN (BKJ)



# LENSA



**14 November 2011** - Pegawai Taman Laut memberi penerangan kepada Y.B. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa kunjungan beliau di ruang pameran JTLM sempena Pameran Hari Inovasi NRE 2011.

2000x3000

**15 September 2011** - Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (tiga dari kanan) bersama Y.B. Yusof Mahal, Ahli Parlimen Labuan (dua dari kanan), Y.Bhg. Datuk Abdullah Karim, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Carigali Sdn.Bhd. (dua dari kiri) mendengar penerangan Y.Bhg. Dr. Sukarno di Program Konservasi Penyu W.P Labuan - Projek JTLM bersama PETRONAS Carigali.

**26 November 2011** - Y.Bhg. Dato' Zola Azha bin Yusof, KSU NRE meninjau Projek Khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang dibina di Pusat Taman Laut Pulau Tioman ke arah menjadikan Pulau Tioman sebagai Malaysia Mega Biodiversity Hub (MMBH).

2000x3000

**24 September 2011** - Para peserta *International Merdeka Conservation Dive* dan *Reef Clean Up Redang Chapter 2011* mempamerkan semangat patriotik yang tinggi sempena Sambutan Kemerdekaan Malaysia yang Ke-54

# TERUMBU



5



6



8



7

klik! klik! klik!



5 **26 November 2011** - Demonstrasi menanam karang oleh penduduk tempatan sempena Majlis Perasmian Program Restorasi Karang Pulau Tioman.

9 **Julai 2011** - Y.Bhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof, KSU NRE mewakili JTLM bersama Mr. Ralph Dixon, Pengarah Pelaburan Persekutaran YTL Corporation Berhad mewakili Reef Check Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Pulau Tioman sebagai satu kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan.

2000x3000

**26 November 2011** - Y.Bhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof, KSU NRE mewakili JTLM bersama Mr. Ralph Dixon, Pengarah Pelaburan Persekutaran YTL Corporation Berhad mewakili Reef Check Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Pulau Tioman sebagai satu kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan.

8

2000x3000  
**23 Ogos 2011** - Jawatankuasa Government Project Team yang diketuai oleh Y.Bhg. Dr. Sukarno bin Wagiman, Ketua Pengarah JTLM membuat pemantauan pembinaan 3 bot peronda JTLM di Bakar Batu, Johor.

# Program International Merdeka Conservation Dive 2011



**P**rogram International Merdeka Conservation Dive (IMCD) merupakan program tahunan sejak 2008 telah djalankan oleh JTLM dengan kerjasama Ed Scuba Sdn.Bhd di Pusat Taman Laut Pulau Redang. Program selama 3 hari bermula pada 23 - 25 September ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dr. Sukarno bin Wagiman, Ketua Pengarah JTLM.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan peserta berkenaan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin. Seramai 150 peserta dari dalam dan luar negara termasuk Thailand, Singapura, Indonesia dan Amerika Syarikat telah menyertai program IMCD.

Sebanyak 5 unit tukun cheese block telah dilabuhkan bagi meningkatkan habitat marin di Taman Laut Pulau Redang. 5 papan tanda bawah laut atau *Underwater Signage* telah diletakkan di kawasan strategik sebagai peringatan kepada para penyelam supaya tidak merosakkan terumbu karang di Taman Laut.



# Kursus Pemantapan Interpretasi Dan Komuniksi JTLM

**P**enyampaian maklumat berkesan adalah penting dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat akan kepentingan biodiversiti marin.

Atas kesedaran itu, JTLM mengambil inisiatif mengadakan Kursus Pemantapan Interpretasi dan Komunikasi JTLM yang diadakan di Avillion Admiral Cove, Port Dickson pada 5-8 Disember 2011.

Kursus ini disertai seramai 35 pegawai bahagian pendidikan JTLM yang merupakan *Front Liner* dalam mempromosi dan meningkatkan imej Jabatan. Program selama 3 hari 2 malam ini telah dilaksanakan dengan jayanya di bawah bimbingan Dr. Azlizam dan Dr. Manohar dari Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia. Perasmian program telah disempurnakan oleh Y.Bhg Ketua Pengarah JTLM.



## Majlis Ramah Mesra JTLM

### Bersama Jabatan & Agensi Kerajaan W.P Labuan



Pada 13 September 2011, telah berlangsung Majlis Ramah Mesra Jabatan Taman Laut Malaysia Bersama Jabatan/Agenzi Kerajaan telah diadakan bertempat di Rafflesia Room, Financial Park W.P Labuan.

Program yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk memperkenalkan kewujudan dan peranan Jabatan Taman Laut Malaysia kepada pihak berkepentingan dan warga tempatan. Di samping itu ia turut memberi peluang kepada Jabatan untuk menjalin kerjasama erat bersama Jabatan-Jabatan, Agenzi dan Ketua Kampung di Labuan ini.

Program yang dihadiri lebih 80 orang peserta ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dr. Sukarno bin Wagiman, Ketua Pengarah JTLM.

# Restorasi Karang Pulau Tioman

**T**erumbu karang atau secara ringkasnya dikenali sebagai "rumah ikan" merupakan tempat ikan komersial berlindung, membiak dan mencari makan. Namun dewasa ini, kawasan terumbu karang sering menghadapi ancaman daripada persekitaran semulajadi dan juga perbuatan manusia. Pada awal bulan Mei 2010, kawasan perairan Malaysia telah mengalami kelunturan karang berleluasa (*mass coral bleaching*) yang telah menyebabkan JTLM terpaksa menutup sementara beberapa kawasan Taman Laut.

Melalui hasil perbincangan dengan pihak berkepentingan, suatu mekanisma perlu diwujudkan untuk membantu terumbu karang memperolehi kebolehan untuk berdaya tahan (*Coral Resilient*) daripada ancaman kelunturan karang.

Projek Restorasi Karang merupakan antara inisiatif bagi membaik pulih terumbu karang. Pada tahun 2011, JTLM dengan kerjasama Reef Check Malaysia telah menjalankan *Pilot Project Restorasi Karang* di Pulau Tioman. Susulan daripada ini, pada 26 November 2011 telah diadakan Majlis Perasmian Program Restorasi Karang di Pulau Tioman yang disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Zola Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Turut hadir sama dalam majlis ini ialah Y.Bhg Ketua Pengarah, Y.Brs Timbalan Ketua Pengarah JTLM dan Julian Hyde, Pengurus Reef Check Malaysia.

Hasil projek sangat memberangsangkan di mana hampir 90 % daripada anak karang yang ditanam hidup dan membesar dengan sihat. Tiga lokasi tapak restorasi karang telah diwujudkan iaitu satu di Kampung Tekek dan dua lagi di Kampung Air Batang. Projek ini mensasarkan 800 kaki persegi kawasan untuk dibaikpulih dalam tempoh 5 tahun.



para peserta mengenai kaedah dan piawaian dalam pengurusan dan pemuliharaan penyu di kawasan Taman Laut. Seramai 14 peserta daripada Taman Laut negeri Terengganu, Pahang, Johor dan W.P. Labuan telah diberikan pendedahan dalam sesi taklimat dan demonstrasi.



## Kursus SOP Pengurusan & Pemuliharaan Penyu

Pada 7-9 September 2011, Kursus Standard Operation Procedure (SOP) Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu telah dikendalikan oleh Y.Brs En. Kamarruddin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah JTLM. Objektif penganjuran kursus yang diadakan di Pusat Taman Laut Pulau Redang ini adalah untuk mendedahkan

# Program Interaksi Nelayan Tanjung Leman

Jabatan Taman Laut Negeri Johor (JTLJ) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan Mersing telah menganjurkan Program Interaksi



Bersama Komuniti Nelayan Tanjung Leman pada 13 Julai 2011 bertempat di Dewan Felda Tenggaroh Timur 2, Tanjung Leman, Mersing.

Program yang dihadiri lebih kurang 100 orang nelayan tempatan ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, cawangan Mersing. Turut hadir sama Encik Muhammad Nur Ashry bin Bassari, Pengarah Taman Laut Negeri Johor.



Matlamat utama perlaksanaan program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada golongan nelayan berkenaan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin di Taman Laut. Selain itu turut diberi penekanan ialah isu pencerobohan dan kesalahan menangkap ikan di kawasan Taman Laut.

# Program Pameran Kesedaran & Pendidikan Marin Bersama Pelajar 3-G

Pameran Kesedaran Dan Pendidikan Marin Bersama Pelajar 3-G atau pun tiga generasi yang melibatkan 3 golongan sasar iaitu pelajar-pelajar Tadika Kemas, sekolah rendah dan sekolah menengah telah diadakan di Pusat Informasi Jabatan Taman Laut Negeri Johor.

3 siri program ini bertujuan untuk memupuk sifat bertanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan pelajar sekolah.

- ⌘ **Program Siri-1 :** 30 orang pelajar Tadika Kemas Mersing.
- ⌘ **Program Siri-2 :** 40 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Pantai Mersing.
- ⌘ **Program Siri-3 :** 50 orang pelajar Sekolah Menengah Agama Mersing.

Para pelajar didekah kepada pengetahuan berkaitan marin dan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin negara. Antara pengisian program ialah taklimat dan tayangan video berkenaan Taman Laut, Aktiviti ‘Debat Alam’ di kalangan pelajar sekolah menengah dan kuiz untuk menilai pemahaman para pelajar.



# Program Reef Clean Up Kapas 2011

**P**rogram Reef Clean Up telah diadakan di Pulau Kapas pada 19 Julai hingga 21 Julai 2011 dan telah dirasmikan oleh Pegawai Pembangunan Daerah Marang, Kuala Terengganu Seramai 30 orang telah menyertai program tersebut termasuk 6 orang dari Jabatan Taman Laut Negeri Terengganu. 24 orang adalah dari lain-lain agensi seperti Pejabat Majlis Daerah Marang, Kolej, pengusaha resort dan Petronas Kerteh.



## Pameran Sultan Mizan Cup 2011

**K**arnival kejohanan kuda lasak, Sultan Mizan Cup yang merupakan acara tahunan Kerajaan Negeri Terengganu telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2011. Dianggarkan seramai 10,000 pengunjung telah datang ke karnival tersebut.

Negeri Terengganu yang kini dikenali dengan Bandaraya Warisan Pesisir Air merupakan antara Negeri yang mencatatkan kadar kedatangan pelancong tertinggi setiap tahun. Selain kaya dengan kepelbagaiannya termasuk adat resam melayu sejak turun temurun, keunikan makanan dan sejarah Batu Bersurat, Negeri Terengganu turut terkenal

Tujuan diadakan program Reef Clean Up adalah untuk membersihkan pantai dan juga kawasan terumbu karang. Pihak swasta dan pengusaha resort di Pulau Kapas telah bekerjasama dengan memberi kemudahan bot

Peserta dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu di Pulau Gemia dan Pulau Kapas. Hasil daripada program Reef Cleanup di Pulau Kapas ini sebanyak 275 ekor Mahkota Berduri (*Crown of Thorns*) telah berjaya dikutip.



dengan pusat peranginan serta Pulaunya yang cantik.

Atas dasar itu, Jabatan Taman Laut Negeri Terengganu telah mengambil bahagian dalam Pameran sempena Sultan Mizan Cup 2011. Pameran ini bertujuan untuk memperkenalkan Pulau-Pulau Taman Laut kepada para pengunjung di samping meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai akan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin untuk generasi akan datang.

## Program Interaksi Bersama Komuniti

Program Interaksi bersama Komuniti Kampung Batu 16, Padang Lumat, Yan, Kedah telah diadakan pada 24 September 2011 bertempat di perkarangan Surau Hj. Yaacob. Program ini dianjurkan selaras dengan hasrat Jabatan Taman Laut Negeri Kedah dalam usahanya memberi pendedahan kepada orang awam berkenaan peranan dan tanggungjawab JTLM.

Program ini telah mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Kedah dan

Kelab Rukun Tetangga Kampung Batu 16. Program ini dirasmikan oleh Y.B. Dato' Wira Mohd Johari Baharom, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kedah. Turut sama dalam majlis ini Encik Mohd Nizam Ismail, Pengarah JTLM Kedah dan Puan Suria Bt Baharum, Timbalan Pengarah JPNIN Kedah. Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti sepak takraw, sukaneka, acara melukis, mewarna, pameran dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan pemeriksaan kesihatan oleh Klinik Kesihatan Daerah Yan.



## Kem Pendidikan Marin Pasukan Beruniform Sekolah-sekolah Putrajaya

Jabatan Taman Laut Malaysia terus berusaha dalam memberi pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai agar menghargai dan mencintai khazanah alam semulajadi marin. Justeru, JTLM bersama Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya menganjurkan Kem Pendidikan Marin telah diadakan pada 31 Oktober sehingga 2 November 2011 di Taman Laut Pulau Payar, Kedah. Seramai 100 pelajar pasukan beruniform dari sekolah-sekolah sekitar Putrajaya mengikuti program ini.

Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para pelajar akan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.Brs Encik Kamarruddin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah JTLM. Turut hadir sama Ketua Sektor dan Timbalan Ketua Sektor Bahagian Ko-Kurikulum, Jabatan Pelajaran Putrajaya.



# Tioman COT's Expedition & Reef Clean Up 2011



**T**ioman COT's Expedition & Reef Clean Up merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Jabatan Taman Laut Negeri Pahang. Pada 23 hingga 26 September yang lalu, program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 100 sukarelawan yang terdiri daripada agensi Kerajaan, swasta, operator pelancongan, media dan kakitangan JTLM.

Program selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias, Pengarah Jabatan Taman Laut Negeri Pahang. Lokasi menyelam dalam program ini ialah :

- Pulau Sepoi
- Pulau Rengis
- Pulau Soyak
- Pulau Chebeh
- Teluk Bakau
- Teluk Genting Tulai
- Teluk Dalam
- Teluk Kadok
- Batu Malang

Sebanyak 442 ekor COT's dan 15 kg sampah telah dikutip semasa program ini. Kadar peningkatan sampah dan bilangan COT's yang berlebihan boleh memusnahkan terumbu karang seterusnya menjadikan ekosistem marin negara. Program ini akan diteruskan dan dijadikan program tahunan Jabatan.

## Tukun Tiruan U-Shape

**J**TLM Negeri Pahang telah menempatkan 28 unit tukun tiruan konkrit berbentuk 'U' di kawasan Terumbu Penyamun berhampiran Kg. Tekek, Pulau Tioman pada 6 Oktober 2011. Kawasan yang dilabuhkan

tukun tersebut berada pada kedalaman lebih 50 meter dan sememangnya telah terkenal di kalangan penyelam. Kawasan ini turut mempunyai beberapa tukun bot yang telah ditenggelamkan sebelum ini. Projek ini dijangka akan menambahkan kawasan pembiakan ikan seterusnya menjadi lokasi menyelam yang menarik bagi pelancong tempatan dan luar negara.



## Program Konservasi Penyu Wilayah Persekutuan Labuan

**Y**.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar merasmikan Program Konservasi Penyu anjuran JTLM dan PETRONAS Carigali Sdn.Bhd. pada 15 September 2011. Turut hadir ialah Y.Bhg. Dr. Sukarno bin Wagiman, Ketua Pengarah JTLM dan Y.Bhg. Datuk Abdullah Karim, Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.

Memandangkan spesis penyu di Malaysia semakin mengalami kepupusan, pihak PETRONAS Carigali mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Penetasan Penyu dengan kerjasama JTLM. Objektif Program konservasi penyu:

- ❖ Mengelak dan meningkatkan populasi penyu
- ❖ Menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Penyelidikan Konservasi Penyu di Malaysia
- ❖ Memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan pemuliharaan penyu.

Program Konservasi Penyu ini dijangka akan dapat meningkatkan populasi penyu di Malaysia. JTLM sentiasa mengalu-alukan sumbangan dan kerjasama daripada pihak-pihak lain terutamanya swasta bagi memastikan program konservasi penyu ini dapat diteruskan.

## Kem Pendidikan Marin Wilayah Persekutuan Labuan

**K**em Pendidikan Marin peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan dengan kerjasama Pusat Ko-Kurikulum Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan di Pusat Taman Laut Pulau Kuraman pada 8 hingga 10 Julai 2011

Program selama 3 hari 2 malam ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan pendedahan berkenaan kepentingan pemuliharaan alam sekitar terutamanya biodiversiti marin. Program ini juga memberi peluang pembelajaran secara *in-situ* kepada para pelajar mengenai

komponen paya bakau, ekosistem pantai dan ekosistem laut. Seramai 40 peserta daripada Sekolah Menengah sekitar Wilayah Persekutuan Labuan telah mengikuti kem ini dengan bantuan 10 fasilitator JTLM. Kem ini telah dirasmikan oleh Y.Brs Encik Kamarruddin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah JTLM.

Program ini telah memberi kesedaran kepada para pelajar yang merupakan generasi dan pewaris negara akan peran pentingnya memulihara biodiversiti marin.





## United Nations Under Secretary General Site Visit

UNDP Malaysia has chosen Tioman Island, one of the Project Sites, as host for Ms Rebecca Grynspan's site visit on 16 July 2011. Ms Rebecsa Grynspan, the UN Under Secretary General and Associate Administrator of UNDP, is on a four-day official visit to Malaysia to announce the establishment of the UNDP Global Shared Services Centre (GSSC). Ms Grynspan visited the Tioman Marine Park Centre and also met the Tioman Island Community Consultative Committee (CCC) representatives.

## Basic Co-operatives Trainings for Local Communities

Following the successful establishment of Co-operatives at the three Project Sites in March 2011, basic management and administrative trainings were held for the Co-operative members and board members. Trainings include:

- ❖ Co-operative Management and Administration Trainings in July 2011
- ❖ Special Course for Newly Established Co-operatives in September 2011
- ❖ Management of Co-operative Annual General Meeting Course in October 2011
- ❖ The trainings were facilitated by trainers from the Co-operative College of Malaysia (MKM).



## Meeting with Sarawak Planning Unit (SPU)

A meeting was held on 18 October 2011 at Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak. The meeting was conducted to exchange lessons learned from the Project and discuss the possibility of developing future cooperation with the Sarawak Government. PMU also participated in the official visit to Talang-Satang National Park on 19 October 2011.

## English Course for Hotel and Hospitality Staff

20 individuals from the local communities of Tioman and Tinggi Island participated in the English Course for Hotel and Hospitality Staff. The training was held on the 19 – 21 October 2011 at Palm Garden Hotel, Putrajaya. The course, which was facilitated by the British Council Malaysia, aimed to provide a basic foundation to the language and business skills needed in the hotel and hospitality industry. The participants showed great enthusiasm throughout the course.



## Seminar on Introduction to Marine Park Management Plan: The Great Barrier Reef Experience



The seminar was organised on the 22 – 24 November 2011 at Maya Hotel, Kuala Lumpur for Marine Park staff. The seminar was conducted by Dr Laurence McCook, Pew Fellow in Marine Conservation and Manager, Science Coordination, Great Barrier Reef Marine Park Authority, Australia. Dr Laurence shared his expertise on marine park planning, coral reef management and community partnerships.



# Dugong

Dugong atau nama saintifiknya *Dugong dugon* dikategorikan sebagai mamalia marin. Nama dugong adalah perkataan Tagalog dan juga dikenali dalam bahasa Melayu sebagai "duyung" (*lady of the sea*) dan juga "Lembu Laut". Dari segi anatomi, Dugong adalah mamalia marin yang mempunyai badan yang besar berbentuk silinder dengan kedua-dua hujungnya berbentuk tirus. Sejak lahir Dugong mempunyai kulit yang tebal, licin dan berwarna krim pucat dan apabila meningkat dewasa dorsalnya berwarna gelap dan lateral berwarna keperangan ke kelabu gelap. Warna Dugong boleh berubah disebabkan pertumbuhan alga pada kulitnya.

Perairan Taman Laut Negeri Johor yang kaya dengan ekosistem rumput laut menjadi tempat kediaman Dugong terutamanya di Pulau Sibu, Pulau Tinggi dan Pulau Besar. Kajian oleh pihak Universiti Malaya pada tahun 2010 mendapati 20 ekor Dugong telah dikesan di kawasan Taman Laut Negeri Johor.

Lazimnya Dugong dijumpai di kawasan air laut yang bersuhu panas contohnya di teluk terlindung yang luas dan cetek serta kawasan saluran bakau yang dipenuhi dengan hamparan rumput laut. Dugong selalunya berada pada kedalaman 10 meter di dalam air laut. Keunikan Dugong adalah boleh melakukan aktiviti yang berbeza iaitu perairan yang cetek sebagai t emp a t untuk

melahirkan anak bagi mengurangkan risiko pemangsa. Manakala perairan yang dalam boleh menyediakan perlindungan haba dari air yang sejuk berdekatan pantai. Dugong mempunyai jangka hayat yang lama, mencapai umur 73 tahun. Pemangsa semulajadi bagi Dugong adalah buaya, ikan paus pembunuh dan jerung. Dugong dikategorikan sebagai haiwan herbivor iaitu memakan rumput laut tetapi kadangkala juga akan memakan obor-obor, sotong laut dan kerang-kerangan.

Dugong mencapai kematangan seksual antara umur 8 dan 18 tahun iaitu lebih tua berbanding kebanyakan mamalia lain. Dugong betina akan melahirkan anak selepas bunting selama 13 hingga 15 bulan, kebiasaannya melahirkan seekor anak sahaja. Anak Dugong yang baru lahir mempunyai kepanjangan 1.2 meter dan berat kira-kira 30 kilogram. Semasa lahir anak Dugong akan tinggal bersama ibunya dan menyusu selama 14 hingga 18 bulan. Walau bagaimanapun anak Dugong ini telah mula memakan rumput laut sejurus dilahirkan. Anak Dugong akan meninggalkan ibunya sebaik sahaja telah matang.

Sejak kebelakangan ini, populasi Dugong semakin berkurangan kerana terdedah kepada eksplorasi oleh aktiviti manusia. Dalam *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List*, Dugong dikategorikan sebagai *vulnerable* iaitu mudah terdedah kepada bahaya.

